

24/09/1997

(Laporan BSKL)

HARGA saham di Bursa Saham Kuala Lumpur pulih mendadak dalam dagangan lewat berikutan pengesahan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa peraturan dagangan matawang Malaysia tidak berubah.

Menteri Kewangan itu, yang berada di Hong Kong bagi menghadiri mesyuarat Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), juga menjelaskan bahawa cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya diharamkan dagangan spekulatif ke atas mata wang mencerminkan kebimbangan beliau terhadap kegawatan pasaran.

Pengukur pasaran Indeks Komposit yang mencerminkan sentimen pasaran meningkat 20.70 mata atau 2.72 peratus kepada 781.20.

Indeks Emas naik 5.59 mata kepada 223.78, Indeks Perusahaan pulih 32.94 mata kepada 1,621.71 dan Indeks Papan Kedua menokok 8.75 mata kepada 410.70.

Saham untung melebihi saham rugi dengan jumlah 619 berbanding 103 manakala 86 kaunter tidak berubah dan 78 yang lain tidak diniagakan.

Jumlah dagangan Papan Utama melonjak kepada 211.916 juta saham bernilai RM946.243 juta semalam daripada 182.481 juta saham bernilai RM777.622 juta kelmarin.

Di Papan Kedua jumlah dagangan bertambah kepada 30.049 juta saham bernilai RM239.911 juta daripada 23.641 juta saham bernilai RM169.213 juta.

Urus niaga luar pasaran berjumlah 24.699 juta saham bernilai RM138.487 juta daripada 15.719 juta saham bernilai RM206.866 juta.

Menurut peniaga pelabur kembali ke pasaran, dan menghapuskan kejatuhan terdahulu berikutan kegiatan mencari saham harga murah.

Sentimen terangsang selanjutnya oleh jaminan Anwar. Ringgit juga meningkat dan ditutup pada 3.0680/30 bagi setiap dolar Amerika berbanding 3.0950/10 kelmarin.

Peniaga pasaran wang merasakan bahawa matawang tempatan mungkin meningkat kukuh berbanding dolar Amerik kerana pelabur asing mulai nampak beberapa peluang.

Seorang penganalisis berkata pemulihan pasaran saham ketara pada sesi petang apabila arahan membeli kaunter-kaunter berkaitan indeks penting mula diterima.

Katanya, kebanyakan arahan adalah daripada pelabur institusi yang membuat persiapan untuk menghadapi pengukuhan yang dijangkakan selepas pembentangan Belanjawan 1998.

Beliau berkata, jika Indeks Komposit berupaya bertahan di atas paras 780 esok, lajukan ini dijangka berlanjutan.

Di kalangan saham mewah, Maybank naik 30 sen kepada RM15.90, manakala Tenaga Nasional pulih 25 sen kepada RM7.60 dan Telekom menokok lima sen kepada RM9.05.

Genting dan Resorts World meningkat 35 sen masing-masing kepada RM10.20 dan RM7.15 manakala EON menokok 20 sen kepada RM13.20 tetapi Proton susut lima sen kepada RM8.25.

Barangan pengguna menyumbang 17.610 juta saham yang diniagakan, barangan perusahaan 27.929 juta, pembinaan 17.576 juta, dagangan/perkhidmatan 44.126 juta, prasarana 1.836 juta, kewangan 39.843 juta, hotel 1.778 juta, harta 31.431 juta, perladangan 11.851 juta, perlombongan 988,000, amanah 152,000, dana tertutup 193,000 dan stok pinjaman 16.601 juta. - Bernama

(END)

